



WOLFGANG

IM PIUR V8 24 [e-mel]

www.wolfgang.com

illijobs  
www.illijobs.com

kemahiran bantu siswa insaniah



**LEBIH BERMAKNA...**kejayaan akademik mahasiswa lebih bermakna sekiranya disertai kemahiran insaniah.

>>Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaiza@hmetro.com.my

**E**NTAH di mana silapnya apabila ramai mahasiswa gagal memperoleh pekerjaan sedangkan mereka mempunyai pencapaian akademik baik.

Kegagalan itu bukan saja menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran malah meninggalkan persoalan di kalangan masyarakat mengenai kualiti mahasiswa hari ini sedangkan mereka diiktiraf kelompok golongan terpelajar.

Meskipun kerajaan sudah berusaha mewujudkan peluang pekerjaan bersama sokongan pihak swasta, tidak ramai berjaya. Alasan majikan, mereka tidak mempunyai kemahiran atau pengalaman diperlukan seperti kehendak syarikat.

Pihak universiti pula sudah

berusaha menyediakan pelbagai aktiviti atau modul terbaik

sebagai persediaan mahasiswa

melangkah alam pekerjaan.

Ini sekali gus menggambarkan

mahasiswa kita seolah-olah belum mempunyai bekalan

kemahiran insaniah secukupnya

untuk menceburi alam kerjaya meskipun melanjutkan pengajian dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Mengulas senario ini, Timbalan

Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Azali Mohamed, berkata kemahiran

mahasiswa perlu dibentuk

sejak awal supaya mempunyai

persediaan mantap sebelum

melangkah ke alam pekerjaan.

Menurutnya, kemahiran itu

tidak boleh diperoleh atau

dibentuk dalam tempoh singkat

kerana pemantapannya memerlukan latihan berterusan bagi

menghasilkan nilai yang baik.

"Kemahiran insaniah bukanlah

satu aspek yang boleh dipelajari

atau dibentuk dalam tempoh

singkat kerana membabitkan latihan pengulangan berterusan serta memerlukan masa panjang untuk memantap dan melihat keberkesanannya. "Hasilnya tidak boleh diperoleh sekilip mata. Oleh itu, bagi menjamin ia menepati piawaian pihak tertentu terutama majikan, penekanan dan pengalaman awal perlu dilakukan supaya lebih mahir.

"Kebanyakan mahasiswa memperolehnya ketika melanjutkan pengajian di universiti. Justeru, tidak adil meletakkan bebanan dan menyalahkan mereka atau universiti kerana tanggungjawab ini perlu dipikul bersama terutama ibu bapa yang menjadi pelatih baik bagi mereka," katanya.

Masalah pengangguran yang membekalkan mahasiswa hari ini bukan saji membimbangkan semua pihak tetapi ibu bapa yang turut kecewa melihat kegagalan anak memperoleh sebarang pekerjaan sedangkan mempunyai kelayakan.

Masalah itu kian meruncing apabila pada masa sama, mereka terpaksa bersaing dengan kelompok tertentu seperti pekerja yang diberhentikan, pelajar lepasan sekolah menengah mahupun golongan lebih berpengalaman.

Ini menyebabkan sebahagian besar terpaksa mencari pekerjaan tidak setimpal dengan kelayakan, selain bergaji kecil.

Ini tambah membebankan apabila terpaksa membayar pinjaman yang mensyaratkan pembayaran balik sekurang-kurangnya enam bulan selepas tamat pengajian.

Ditanya kaedah membantu mahasiswa supaya mereka berpeluang memperoleh kemahiran diri atau insaniah untuk bersaing dalam pasaran kerja, Dr Azali berkata, antara pendekatan terbaik ialah melaksanakan Kursus Kokurikulum Berkredit

"Kemahiran insaniah bukanlah

satu aspek yang boleh dipelajari

atau dibentuk dalam tempoh



JITU... jangan anggap kemahiran insaniah tidak penting kerana ia membantu dalam aspek keriawa.

seperti dilaksanakan UPM.

Menerusi kursus ini, mahasiswa bukan saja diwajibkan mengambil dua kredit program kurikulum sepanjang tempoh pengajian tapi menjadi prasyarat menamatkan pengajian.

"Kebanyakan kursus kokurikulum tidak mempunyai kredit menyebabkan kebanyakan mahasiswa bersikap sambil lewa kerana merasakan tidak penting. Apabila diwajibkan, mereka perlu mengikutinya sekali gus membantu menerlahkan lagi potensi atau kemahiran diri.

"Ini sekali gus membuka minida dan mata mahasiswa serta memperbetulkan tanggapan salah mereka. Kursus ini bukan direka suka-suka tapi membawa banyak kebaikan terutama memantapkan lagi kekurangan kemahiran sedia ada.

"Banyak yang boleh dipelajari seperti memperbaiki cara komunikasi, memberluaskan iaringan

perhubungan dan membina keyakinan diri. Mahasiswa perlu bijak mengambil peluang ditawarkan," katanya.

Beliau berkata, UPM menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan Kursus Kokurikulum Berkredit buat masa ini.

Beliau tidak bersetuju jika dikatakan sudah terlambat bagi institusi memperkenalkan kursus sedemikian. Baginya, apa jua pendekatan membawa kebaikan kepada mahasiswa tidak mempunyai istilah terlambat sebaliknya sangat dialu-alukan.

"Dalam arus globalisasi dan persaingan sengit, perlu ada pelbagai pendekatan atau pengenalan kursus yang boleh digunakan bagi membantu mahasiswa bersaing atau memasarkan diri.

"Semua pihak dialu-alukan, jadi tiada istilah terlambat. Cuma kaedah atau pendekatan digunakan biarlah bersesuaian dan mendatangkan manfaat.

## Faktor graduan gagal dapat kerja

1. Kurang keyakinan diri.
2. Kurang menguasai pengetahuan am.
3. Tidak fasih berbahasa Inggeris.
4. Kegagalan berkomunikasi dengan baik.
5. Kelayakan akademik kurang memuaskan atau sederhana.
6. Tiada pengalaman.

## Mahasiswa perlu:

1. Bergiat aktif di kampus dengan menyertai pelbagai persatuan atau kelab.
2. Berusaha memperbaiki kekurangan diri dengan sentiasa bergaul dengan rakan atau pensyarah.
3. Tidak malu bertanya.
4. Memperbaiki mutu komunikasi melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti seperti pengucapan awam.
5. Rajin membaca dan mempelbagaikan sumber bacaan bagi menambah ilmu pengetahuan.



**KHUSYUK...**menghadiri kuliah dan program berbentuk akademik memang penting tapi jangan lupa melengkapkan diri dengan keperluan kemahiran insaniah.





**Kemahiran insaniah bukanlah satu aspek yang boleh dipelajari atau dibentuk dalam tempoh singkat kerana membabitkan latihan pengulangan berterusan serta memerlukan masa panjang untuk memantap dan melihat keberkesanannya”**

**>Profesor Dr Azali Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bagaimanapun, saya percaya semua pihak sentiasa peka dan memberi dorongan untuk melihat mahasiswa kita hebat,” katanya.

Kursus Kokurikulum yang ditawarkan UPM meliputi lima komponen iaitu badan beruniform, seni budaya, wajadiri, sukan dan rekreasi serta kepimpinan dan kemasyarakatan.

Ia bersesuaian untuk memantapkan kemahiran insaniah mahasiswa bagi memperoleh kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, bekerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawanan, etika dan nilai profesional serta kepimpinan.

Selain itu, Dr Azali berkata, mahasiswa baru UPM bertuan kerana mereka wajib mengikuti program permulaan sekolah yang memberi penekanan konsep berdikari di alam kampus.

Program itu bertujuan membantu mahasiswa memulakan perjalanan baru di menara

gading dengan mendedahkan mereka cara menimba ilmu dengan betul sekali gus mampu menjadi mahasiswa cemerlang.

“Sebelum memasuki menara gading, kebanyakan mahasiswa hanya tahu konsep ‘menerima’ dan jarang ‘memberi’ iaitu mereka hanya mengharapkan semuanya disediakan guru. Di menara gading, budaya itu sudah tiada dan harus berusaha sendiri untuk berjaya.

“Menerusi program itu, UPM berharap mereka tidak mengalami kejutan budaya serta dapat belajar sesuatu yang baru dan bermanfaat untuk membantu menimba ilmu. Secara tidak langsung, ia juga menyuntik nilai kemahiran insaniah.

“UPM mahu melahirkan mahasiswa yang mempunyai aura tersendiri sekali gus menjadi pilihan majikan dan membuktikan produk dilahirkan berkualiti serta mempunyai daya saing di basaran keriana.” katanya.



**BERSAING...** peluang pekerjaan semakin sengit memerlukan mahasiswa mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran.

**BERSEMANGAT...**  
mahasiswa perlu mempunyai semangat kental dan kemahiran insaniah kukuh untuk bersaing dalam sektor pekerjaan.

**BERJAYA...** debat adalah antara platform terbaik untuk membina keyakinan diri.

